

Glosari Undang-Undang Kontrak Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu

Penulis Utama:

Goh Sang Seong¹, Harjit Singh Dalip Singh²

E-mel:

gohss@usm.my¹,

Abstrak: Malaysia mengamalkan sistem perundangan Common Law. Oleh hal yang demikian, banyak istilah dalam undang-undang kontrak dipinjam daripada bahasa Inggeris. Rentetannya, istilah-istilah tersebut perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu mengikut prinsip penterjemahan dan pembentukan istilah yang ditetapkan oleh MABBIM. Untuk pepadanan istilah dalam Glosari ini, Pedoman Umum Pembentukan Istilah (1992) dirujuk.

Glosari Undang-Undang Kontrak ini memuatkan pelbagai istilah yang sering dijumpai dalam teks undang-undang kontrak bersertakan penerangan konsep secara ringkas. Melalui maklumat ini, pembaca dapat mengenal pasti padanan istilah bahasa Inggeris, dan konsep asas secara ringkas yang ada pada istilah berkenaan. Bagi pembaca yang berminat untuk mengetahui konsep sesuatu istilah dengan lebih lanjut dan mendalam, Akta Kontrak 1950 boleh dirujuk. Untuk memudahkan pencarian maklumat yang berkaitan dengan padanan Akta, dan rujukan penuh bagi singkatan yang digunakan dalam teks undang-undang kontrak, Glosari ini turut melampirkan senarai Akta dan singkatan yang lazim ditemui dalam teks undang-undang kontrak. Kedua-dua lampiran ini memudahkan pembaca untuk mengenal pasti terjemahan Akta dan maksud singkatan bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu.

Glosari ini sesuai digunakan sebagai rujukan asas oleh penterjemah teks undang-undang kontrak dan pelajar universiti dalam bidang pengajian penterjemahan dan undang-undang bagi mendapatkan pengetahuan asas tentang istilah serta padanan istilah undang-undang kontrak.

Kata Kunci: Common Law, istilah, MABBIM, kontrak, akta

The background features a golden scale of justice on the right and a wooden gavel on the left. In the top left corner, there is an inset image showing two hands shaking over a document labeled 'CONTRACT'.

GLOSARI UNDANG-UNDANG KONTRAK

Bahasa Inggeris - Bahasa Melayu

Penyusun:
**GOH SANG SEONG
HARJIT SINGH DALIP SINGH**




**Penerbit
UTHM**

GLOSARI UNDANG-UNDANG KONTRAK

Bahasa Inggeris - Bahasa Melayu

Penyusun:
GOH SANG SEONG
HARJIT SINGH DALIP SINGH



© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2015

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Pengkatalogan Data Penerbitan

Goh, Sang Seong

GLOSARI UNDANG-UNDANG KONTRAK: Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu/

Penyusun: GOH SANG SEONG, HARJIT SINGH DALIP SINGH

Bibliography: page 155

ISBN 978-967-0764-14-6

1. Contracts--Terminology. 2. Criminal law--Terminology. I. Goh, Sang Seong. II. Harjit Singh Dalip Singh.
346.02014

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 7051 / 7454 No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: pt@uthm.edu.my

<http://e-bookstore.uthm.edu.my/>

Penerbit UTHM adalah anggota:

Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:

AWIJAYA ENTERPRISE

No. 15, Jalan Budi Utara

Taman Wawasan Perindustrian

83000 Batu Pahat, Johor

Penyusun bersama:
Aimi Aizat Azmi
Azrene Jasmine Mohamed Omar Khan
Liew Wai Leong
Moo Qi Xin
Nurliyana Amirah Hazuli
Siti Nabilah Mohd Salleh

KANDUNGAN

Prakata	vii
Istilah A-W	1
Lampiran I Senarai Akta	137
Lampiran II Singkatan	147
Bibliografi	155

PRAKATA

Sesuatu kata itu diangkat sebagai istilah undang-undang apabila kata tersebut mendukung konsep khusus dalam ilmu bidang undang-undang. Istilah boleh terdiri daripada kata umum yang biasa dijumpai dalam penggunaan bahasa seharian, atau kata khusus yang hanya digunakan dalam teks undang-undang. Sehubungan dengan itu, makna sesuatu istilah perlu dirujuk daripada sumber yang membincangkan ilmu bidang berkenaan secara khusus.

Malaysia mengamalkan sistem perundangan *Common Law*. Oleh hal yang demikian, banyak istilah dalam undang-undang kontrak dipinjam daripada bahasa Inggeris. Rentetannya, istilah-istilah tersebut perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu mengikut prinsip penterjemahan dan pembentukan istilah yang ditetapkan oleh MABBIM. Untuk pepadanan istilah dalam Glosari ini, *Pedoman Umum Pembentukan Istilah* (1992) dirujuk.

Sejajar dengan itu, *Glosari Undang-Undang Kontrak* ini memuatkan pelbagai istilah yang sering dijumpai dalam teks undang-undang kontrak bersertakan penerangan konsep secara ringkas. Melalui maklumat ini, pembaca dapat mengenal pasti padanan istilah bahasa

Inggeris, dan konsep asas secara ringkas yang ada pada istilah berkenaan. Bagi pembaca yang berminat untuk mengetahui konsep sesuatu istilah dengan lebih lanjut dan mendalam, Akta Kontrak 1950 boleh dirujuk. Untuk memudahkan pencarian maklumat yang berkaitan dengan padanan Akta, dan rujukan penuh bagi singkatan yang digunakan dalam teks undang-undang kontrak, Glosari ini turut melampirkan senarai Akta dan singkatan yang lazim ditemui dalam teks undang-undang kontrak. Kedua-dua lampiran ini memudahkan pembaca untuk mengenal pasti terjemahan Akta dan maksud singkatan bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu.

Glosari ini sesuai digunakan sebagai rujukan asas oleh penterjemah teks undang-undang kontrak dan pelajar universiti dalam bidang pengajian penterjemahan dan undang-undang bagi mendapatkan pengetahuan asas tentang istilah serta padanan istilah undang-undang kontrak.

Goh Sang Seong
Harjit Singh Dalip Singh
Kampus Sejahtera
Pulau Mutiara
2015

GLOSARI UNDANG-UNDANG KONTRAK

Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu

A

Ab initio - **Ab initio**

Berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud 'dari mula atau dari awal'.

Abandonment - **Peninggalan**

Perbuatan secara sengaja dan tetap untuk menyerahkan, memberikan, melepaskan, meninggalkan atau mengabaikan hak sesuatu hartanah, premis, kanak-kanak, tuntutan, hak kontrak, dan lain-lain.

Absolute and unqualified- **Mutlak dan tanpa syarat**

Peraturan, perintah atau penerimaan yang lengkap, sempurna serta jitu dan berkuat kuasa sepenuhnya dengan serta-merta.

B

Background - **Latar belakang**

Asal-usul atau keadaan yang wujud pada suatu masa tertentu, atau yang mendasari sesuatu peristiwa.

Bailee - **Baili**

Seseorang yang diberi barangan yang ditinggalkan berikutan kontrak bailmen dan bertanggungjawab untuk memulangkan barang itu dengan selamat kepada pemilik apabila kontrak itu dipenuhi.

Bailment - **Bailmen; jaminan**

Perbuatan meletakkan harta pada jagaan dan kawalan orang lain melalui perjanjian yang pemegang (baili) bertanggungjawab dalam penyimpanan dan pemulangan harta.

Bankruptcy - **Kemufliisan; kebangkrapan**

Prosedur atau proses undang-undang yang dibuat melalui mahkamah apabila sesuatu pihak (penghutang) tidak dapat menjelaskan hutangnya selepas penghakiman diperoleh.

C

Cancellation - **Pembatalan**

Proses pembatalan yang bertujuan untuk menunjukkan secara manual bahawa sesuatu dokumen seperti suratcara tidak digunakan atau diperlukan lagi; boleh dikoyak, dimusnahkan atau dilupuskan.

Cancellation of contract - **Pembatalan kontrak**

Proses membatalkan perjanjian atau persetujuan untuk menamatkan kontrak.

Cancellation of instrument - **Pembatalan suratcara**

Tindakan membatalkan dokumen bertulis rasmi, atau dokumen undang-undang.

Capacity - **Keupayaan**

Kemampuan atau kebolehan seseorang untuk melakukan sesuatu, mempunyai hak undang-undang, kuasa, atau kecekapan untuk melaksanakan sesuatu perbuatan seperti memahami terma sesuatu perjanjian atau kontrak, dan membuat keputusan mengenai sesuatu.

D*Damage* - (1) **Kerosakan** (2) **Ganti rugi**

(1) Kerugian yang disebabkan oleh seseorang terhadap individu lain, atau terhadap hartanya, sama ada dengan rancangan untuk mencederakannya, kecuaiian dan kelalaian atau melalui kemalangan yang tidak dapat dielakkan. (2) Pampasan kewangan yang diberikan oleh mahkamah melalui tindakan sivil kepada individu yang mengalami kecederaan berikutan perlakuan salah pihak lain.

Date of assessment - **Tarikh penilaian**

Tarikh bagi proses menentukan nilai kewangan suatu hartanah.

Dealing - **Berurusan; urusan**

Penyertaan pihak-pihak dalam urusan komersial seperti perjanjian dan persetujuan berkenaan sesuatu komoditi, atau sesuatu tatacara dalam pemindahhakan.

Dealings against public policy - **Urusan bertentangan dengan polisi awam**

Urusan yang melanggar atau bertentangan dengan polisi-polisi awam, iaitu memudaratkan masyarakat umum.

E

Earnest money - **Cengkeram**

Sejumlah wang yang dibayar oleh pembeli ketika memasuki kontrak untuk menunjukkan niat dan keupayaan pembeli bagi melaksanakan kontrak tersebut.

Effect - **Natijah**

Hasil daripada suratcara yang terbentuk antara dua pihak mengikut keperluan hak masing-masing, atau statut yang dibentuk berdasarkan undang-undang yang sedia ada mengikut bahasa yang digunakan, bentuk yang diguna pakai atau bahan lain untuk mentafsir statut itu.

Effective - **Efektif**

Operatif; berkesan.

Election - **Pilihan raya; pemilihan**

Pemilihan seseorang berdasarkan sokongan beberapa orang secara kolektif untuk mengisi kekosongan jawatan atau tempat.

F

Fact - **Fakta**

Sesuatu situasi yang benar dan perlu dibuktikan dalam perbicaraan melalui bukti yang dikemukakan; dinilai oleh pencari fakta, iaitu juri dalam perbicaraan juri, atau hakim jika perbicaraan dijalankan tanpa kehadiran juri.

False evidence - **Keterangan palsu**

Maklumat yang direka atau tidak benar yang diperoleh secara tidak sah di sisi undang-undang, dan digunakan untuk mempengaruhi keputusan mahkamah dalam tuntutan kes.

False representation - **Representasi palsu**

Pernyataan yang tidak benar tentang sesuatu fakta.

Fiduciary - **Fidusiari**

Individu yang diberi amanah dan kepercayaan yang tinggi oleh orang lain untuk menguruskan dan melindungi hartanah atau duit.

G

Gambling – **Judi; perjudian; pertaruhan**

Perjanjian antara dua atau lebih individu yang bermain bersama dalam permainan kad untuk memenangi taruhan, dan taruhan yang disumbangkan oleh semua yang terlibat menjadi harta pemenang; mengambil risiko dengan harapan mendapat kelebihan atau faedah.

Good title - **Hak milik sah**

Pemilikan hartanah yang bebas daripada dakwaan dan boleh dijual, dipindah milik atau diletakkan sebagai cagaran (meletakkan gadai janji atau surat ikatan amanah pada harta).

Goods – **Barangan; produk**

Barang yang biasa dijual dalam perniagaan.

Grant in perpetuity - **Geran besar**

Hak seseorang untuk menyimpan keuntungan daripada tanah milikan yang dibenarkan oleh mahkamah untuk selama-lamanya; hartanah yang diberikan atau dimiliki secara kekal.

H

Hardship - **Kesusahan**

Keadaan yang sukar untuk dihadapi; penderitaan; kekurangan; penindasan.

Hire purchase - **Sewa beli**

Kaedah membeli barangan atau memiliki sesuatu barangan melalui pembayaran secara ansuran dari masa ke masa. Hak milik hanya berpindah kepada pembeli selepas bayaran ansuran terakhir dijelaskan.

Hire purchase agreement - **Perjanjian sewa beli**

Pembelian komoditi berdasarkan cara ansuran. Perjanjian menetapkan jumlah ansuran dan terma.

I

***Identity* - Identiti; pengenalan**

Hakikat menjadi seseorang, atau apa-apa yang menjadikan sesuatu atau seseorang itu.

***Illegal* - Menyalahi undang-undang; haram; tidak sah**

Melanggar statut, peraturan atau ordinan yang mungkin dianggap sebagai jenayah atau hanya sekadar tidak patuh.

***Illegal or void agreement* - Perjanjian tidak sah**

Perjanjian yang isi kandungan atau niatnya adalah tidak sah di sisi undang-undang.

***Illegal contract* - Kontrak yang menyalahi undang-undang**

Kontrak yang melanggar undang-undang.

***Illegal Consideration* - Balasan tidak sah**

Balasan yang dibuat tidak mengikut undang-undang.

J

Joint - **Bersama**

Harta, hak atau obligasi yang disatukan, tidak dipisahkan dan dikongsi oleh dua atau lebih orang atau entiti.

Joint venture - **Usahasama**

Perkongsiian atau konglomerat; ditubuhkan untuk berkongsi risiko atau kepakaran.

Judicial - **Kehakiman**

Sistem kehakiman yang menginterpretasikan dan mengguna pakai undang-undang negara.

Judicial act - **Tindakan kehakiman**

Undang-undang yang digubal dan diguna pakai dalam sistem kehakiman di sesebuah negara.

Jurisdiction - **Bidang kuasa**

Hak dan kuasa untuk menginterpretasikan dan melaksanakan undang-undang.

K

Knowledge - **Pengetahuan**

Keadaan atau hakikat mengetahui sesuatu.

L

Lack - **Kekurangan**

Tidak mencukupi, atau ketidakhadiran sesuatu yang diperlukan atau yang diinginkan.

Lacuna – **Lakuna**

Ruang kosong, lompong atau sesuatu yang tidak dapat dijelaskan maknanya.

Land - **Tanah**

Kawasan yang boleh dimiliki, bersama-sama dengan segala yang tumbuh atau dibina di kawasan itu.

Land ownership - **Pemilikan tanah**

Memiliki tanah, memiliki hak ke atas tanah.

Lapse - **Luput; tamat; berakhir**

Penamatan atau kegagalan hak atau keistimewaan kerana pengabaian melaksanakan hak atau kewajipan dalam had masa tertentu, atau kerana jangkaan yang dinyatakan tidak berlaku.

M

Magistrate - **Majistret**

Individu yang mempunyai kuasa sebagai pegawai awam kehakiman mahkamah rendah.

Main agreement - **Perjanjian utama**

Kontrak yang paling penting termasuk semua elemen undang-undang kontrak, iaitu tawaran, penerimaan, dan balasan (pembayaran atau pelaksanaan) berdasarkan syarat-syarat tertentu.

Maintenance agreement - **Perjanjian penyelenggaraan**

Kontrak perkhidmatan yang mempunyai bayaran tetap yang disediakan oleh kontraktor untuk penyelenggaraan bangunan atau peralatan secara berkala.

Majority - **Dewasa**

Status mencapai usia dewasa menurut undang-undang, dan mempunyai hak-hak sampingan dan tanggungjawab sebagai seorang dewasa.

N

Necessaries - **Keperluan**

Perkara yang diperlukan; perkara yang sesuai, berguna dan diperlukan dalam kehidupan manusia.

Negligent - **Cuai**

Kelalaian dari segi kegagalan melaksanakan tanggungjawab.

Negotiable instruments - **Suratcara boleh niaga**

Nota, surat perjanjian atau waran tanpa syarat yang digunakan bagi pembayaran sesuatu jumlah sama ada atas permintaan atau pada masa lain yang ditetapkan kepada individu atau pembawa.

Negotiation - **Rundingan**

Perbincangan antara dua pihak untuk menetapkan atau untuk mencapai satu persetujuan.

○

Object - **Bantah**

Pengemukakan hujah yang bertentangan.

Obligation - **Obligasi**

Kewajipan undang-undang atau liabiliti.

Offer - **Tawaran**

Tanda kerelaan atau kesediaan satu pihak untuk terikat oleh terma dan syarat susulan daripada komunikasi dengan satu pihak yang lain; tawaran yang dibuat oleh sesuatu pihak lazimnya dari segi kewangan untuk memiliki barangan pihak yang lain pada harga yang difikirkan sesuai atau memadai.

Offeree - **Penerima tawaran**

Individu atau entiti yang ditunjukkan apabila sesuatu tawaran dibuat oleh pihak yang lain (pembuat tawaran).

P

Parol evidence rule - **Rukun keterangan parol**

Pihak dalam kontrak bertulis tidak boleh menyampaikan keterangan ekstrinsik (syarat-syarat tambahan atau keterangan lisan) yang bercanggah dengan (atau sebagai tambahan pada) terma bertulis dalam kontrak tersebut.

Parole - **Parol**

Pembebasan bersyarat; banduan yang dibebaskan lebih awal perlu diawasi, dan mematuhi terma dan syarat tertentu dalam suatu tempoh.

Part performance - **Pelaksanaan sebahagian**

Penyempurnaan sebahagian daripada perkara yang telah dipersetujui oleh mana-mana pihak dalam sesuatu kontrak.

Partnership - **Perkongasian**

Salah satu entiti perniagaan yang melibatkan dua atau lebih pihak bersetuju untuk melabur modal dan buruh dalam sesebuah perusahaan perniagaan yang sah di sisi undang-undang. Keuntungan dan kerugian akan dikongsi mengikut kadar yang ditetapkan.

Q

Qualified - **Berkelayakan**

Mempunyai kebolehan, sifat dan ciri-ciri untuk melaksanakan kerja atau tugas tertentu.

Quantum meruit - **Quantum meruit**

Berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud 'seberapa banyak yang telah diperolehnya'; pembayaran yang munasabah dan/atau yang boleh ditetapkan jumlahnya berdasarkan hal yang telah dilaksanakan atau disempurnakan.

Quasi - **Kuasi**

Kuasa sebahagian sahaja; tidak mempunyai kuasa penuh.

R

Reasonable - **Munasabah**

Sesuai; sepatutnya; biasa; adil; lazim; masuk akal.

Reasonable time - **Tempoh munasabah**

Untuk melaksanakan atau membayar dalam tempoh yang telah dipersetujui.

Rebuttal – **Pematahan**

Bukti yang dikemukakan untuk menyangkal atau menolak keterangan pihak lawan, anggapan atau hujah undang-undang.

Receipt - **Resit**

Pengakuan bertulis yang menyatakan bahawa sesuatu yang bernilai atau wang tunai telah diberikan kepada seseorang.

Reception - **Menerima; penerimaan**

Perbuatan atau proses menerima atau diterima.

S

Sale - **Jualan**

Pertukaran barangan atau perkhidmatan bagi sejumlah wang atau apa-apa yang setaraf dengannya.

Scholarship - **Biasiswa**

Geran bantuan kewangan yang diberikan kepada seseorang untuk melanjutkan pelajaran.

Scope - **Skop**

Kawasan yang diliputi oleh aktiviti yang diberikan atau subjek.

Seal - **Meterai**

Untuk memberikan, mengesahkan atau menetapkan sesuatu di bawah meterai atau pihak berkuasa.

Security - **Cagaran; sekuriti**

Sesuatu yang diberikan atau dijanjikan, atau diletakkan sebagai jaminan untuk mendapatkan pelaksanaan janji atau obligasi.

T

Tax - **Cukai**

Penilaian kerajaan (caj) terhadap nilai harta, transaksi (pemindahan dan jualan), lesen pemberian hak dan/atau pendapatan.

Tax avoidance - **Pengelakan cukai**

Proses perancangan kewangan individu untuk menggunakan semua jenis pengecualian dan potongan yang diperuntukkan oleh undang-undang cukai bagi mengurangkan pendapatan boleh cukai.

Taxation evasion - **Pelarian cukai**

Proses menyalahi undang-undang dengan membayar cukai yang kurang daripada mandat undang-undang melalui penipuan.

Taxation of costs - **Penetapan kos**

Fungsi kementerian yang dilakukan oleh mahkamah apabila kes selesai. Proses ini melibatkan pengiraan pelbagai kos dan nilai terhadap pihak berkenaan (sama ada pihak menuntut atau defendan) dengan kos-kos yang telah diberikan oleh mahkamah.

U

Uncertain - **Tidak pasti**

Tidak dikenali atau dikenal pasti; wujud persoalan.

Uncertainty - **Ketidakpastian**

Tidak dikenal pasti atau kabur.

Unconditional - **Tanpa syarat**

Tanpa syarat atau batasan; mutlak.

Undue influence - **Pengaruh tidak wajar; pengaruh tidak berpatutan**

Tekanan yang digunakan untuk memaksa atau mempengaruhi seseorang bagi melakukan sesuatu, atau memasuki sesuatu perjanjian atau kontrak.

Unenforceable - **Tidak boleh dikuatkuasakan**

Tidak boleh dijalankan dengan paksaan atau diteruskan menurut undang-undang.

V

Vacant possession - **Milikan kosong**

Obligasi perundangan yang memastikan sesuatu hartanah yang telah dikosongkan dan tidak tertakluk pada pajakan, dan berada dalam keadaan yang sesuai didiami pada masa yang telah ditetapkan.

Vague - **Kabur**

Tidak tepat; tidak pasti; tidak tentu.

Valid - **Sah**

Perbuatan, surat ikatan dan sebagainya yang telah menerima semua formaliti yang dikehendaki oleh undang-undang dikatakan sah di sisi undang-undang.

Valid Consideration – **Balasan sah**

Balasan yang dibuat mengikut undang-undang dan yang munasabah.

Validity - **Kesahan**

Mengandungi premis yang menunjukkan kelogikan sesuatu kesimpulan.

W

Waiver - **Pelepasan**

Penyerahan sesuatu yang disengajakan secara sukarela.

Warranty - **Waranti**

Jaminan secara bertulis atau bercetak.

Will - **Wasiat**

Dokumen yang mengandungi penetapan cara pengurusan dan pengagihan harta selepas kematian seseorang.

Willingness - **Kerelaan**

Dibuat, diberi, diterima atau ditanggung secara rela.

Without prejudice - **Tanpa prasangka**

Melindungi penulis sesuatu surat atau dokumen dalam tuntutan, pendakwaan atau prosiding.

Bibliografi

A Concise Dictionary of Law .(1986). New York: Oxford University Press.

Asiah Mohd. Yusoff (pentj.). (2000). *Undang-undang Kontrak Anson*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Barker, D. dan Padfield, C. (1998). *Law Made Simple*. Oxford: Made Simple Book.

Catherine Tay Swee Kian dan Tang See Chim. (1997). *Contract Law*. Singapura: Times Book International.

Contracts Act 1950. (2000). Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Dheeraj, S. (2008). *Legal Dictionary*. Delhi: Pioneer Books.

Guest, A.G. (1985). *Anson's Law of Contract*. Edisi ke-26 Oxford: Oxford University Press.

Hardy Ivamy, E.R. (1988). *Mozley & Whiteley's Law Dictionary* (Edisi kesepuluh). London: Butterworths.

Istilah Undang-Undang. (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamus Undang-Undang* .(1995). Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kaur, G. (2001). *Civil Procedure*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Journal.
- Law, J. dan Martin, E.A. (2009). *Oxford Dictionary of Law*. New York: Oxford University Press.
- M. F. Cheong. (2010). *Contract Law in Malaysia* (Edisi pelajar). Petaling Jaya, Selangor: Sweet & Maxwell Asia.
- Mohd. Ali Haji Baharum. (1999). *Undang-undang Kontrak: Perbandingan Islam & Inggeris*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Radzali Masrum. (2001). *Maksim dan Ungkapan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasser Hamid et al. (Ed.). (1998). *Istilah Undang-undang*. Selangor: Sweet & Maxwell Asia.
- Nik Safiah Karim dan Faiza Tambi Chik (Ed.). (1994). *Bahasa dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah*. (1992). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2005). *Peminjaman Kata Bahasa Inggeris dalam Peristilahan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rau dan Kumar. (2006). *General Principles of the Malaysian Legal System*. Selangor: ILBS.
- Salleh Buang. (2007). *Malaysian Torrens System* (Edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saunders, J. B. (1977). *Mozley & Whiteley's Law Dictionary* (Edisi kesembilan). London: Butterworths.
- Schultz, W. D., Cooper, A. L., dan Kotara, W. S. (1999). *A Handbook of Basic Law Terms*. Minnesota: West Group.
- Sydenham, A. (1987). *Nutshells:Trust*. London: Sweet & Maxwell.
- Tieman, R. (1987). *Tort*. London: Swee & Maxwell.
- Wan Azlan Ahmad dan Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod. (2006). *Administrative Law in Malaysia* (Edisi pelajar). Selangor: Sweet & Maxwel Asia.